

Masjid Bandar Seri Putra

Sebagai Pusat Ibadah

AJK 2023 - 2025

Masjid Bandar Seri Putra
Sebagai Pusat Ibadah

AJK 2023 - 2025

Diterbitkan oleh:
Masjid Bandar Seri Putra,
Lot 39343, Jalan Seri Putra 1/1,
Bandar Seri Putra, Bangi,
43000 Kajang, Selangor

Hak Cipta: Masjid Bandar Seri Putra

Email: rizaatiqrahmat@gmail.com

Masjid Bandar Seri Putra

Sebagai Pusat Ibadah

Teks © Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat, 2025
Grafik dan ilustrasi © AJK 2023 - 2025

e ISBN: 978-629-95226-9-0

Edisi Asal: Pertama kali diterbitkan 2025
Catan kulit: Abdullah Al-Marawi

Sinopsis

Penilaian Masjid sebagai Pusat Ibadah

Dokumen ini menilai peranan Masjid Bandar Seri Putra sebagai pusat ibadah yang berlandaskan inspirasi Masjid Quba — masjid pertama yang dibina Rasulullah SAW atas dasar takwa. Ia menekankan bahawa masjid bukan sekadar tempat ritual, tetapi pusat kerohanian yang menghidupkan suasana takwa, ukhuwah dan penghayatan agama.


Penilaian meliputi:

- Kelengkapan infrastruktur ibadah: ruang solat yang luas, berhawa dingin, bilik kuliah, dewan suffah, bilik jenazah, tempat wuduk moden dan tradisi, kemudahan mesra OKU, serta sistem bunyi berkualiti.
- Kualiti pelaksanaan solat: solat lima waktu konsisten, Jumaat dengan kehadiran ribuan jemaah, dan program solat hajat pelajar.
- Kebersihan & keselesaan: pengurusan harian, gotong-royong, kitar semula, landskap Islamik, serta penggunaan aromaterapi.
- Pengimaran ibadah khusus: iftar Ramadan, qiamullail, korban, khatam Quran, Maulidur Rasul dan kuliah ilmu.
- Keterangkuman jemaah: ruang mesra semua golongan, program kanak-kanak, remaja, warga emas, belia dan wanita, serta bantuan sosial dan kebajikan.
- Pengurusan & pentadbiran ibadah: disiplin azan dan solat berjemaah, kelayakan imam dan bilal, SOP tatacara ruang ibadah, serta pengawasan melalui CCTV dan sistem aduan.

Secara keseluruhannya, dokumen ini menegaskan bahawa Masjid Bandar Seri Putra telah berjaya menampilkan ciri sebuah masjid unggul sebagai pusat ibadah — lengkap dengan infrastruktur, pengurusan berkualiti, dan program keagamaan yang merangkumi semua lapisan masyarakat.

Tajuk	Halaman
Pendahuluan	1
1. Masjid sebagai Pusat Ibadah	2
1.1. Kelengkapan Infrastruktur Ibadah	3
2. Kualiti Pelaksanaan Solat dan Ibadah	12
3. Kebersihan dan Keselesaian	14
3.1. Pengurusan Kebersihan Harian	14
3.2. Pengurusan Sisa & Kitar Semula	14
3.3. Keselesaian & Mesra Jemaah	14
3.4. Gotong-Royong & Penglibatan Komuniti	14
3.5. Keindahan & Lanskap	14
3.6. Persekitaran dan Lanskap	14
4. Pengimarahannya Masjid dengan Ibadah Khusus	17
5. Keterangkuman Jemaah	23
5.1. Mesra Semua Golongan	23
5.2. Aktiviti untuk Pelbagai Peringkat Umur	23
5.3. Keterangkuman Sosial & Komuniti	23
5.4. Suasana Ukhuwah & Rahmah	23
5.5. Penyertaan Wanita & Belia	24
6. Pengurusan & Pentadbiran Ibadah	29
6.1. Jadual Solat & Azan	29
6.2. Kualiti Imam & Bilal	30
6.3. Tatacara Solat Berjemaah	32
6.4. Pengurusan Ruang Ibadah	33
6.5. Pentadbiran & Pengawasan	33
Kesimpulan	34

Buku yang menjadi asas kepada Masjid sebagai Pusat Ibadah



Imbas QR untuk mendapatkan buku



Atau



Buku *Gagasan Masjid Quba: Membina Masyarakat Unggul* mengangkat Masjid Quba sebagai model masjid pertama yang dibangun atas dasar takwa dan keikhlasan Rasulullah SAW. Ia menekankan bahawa fungsi utama masjid adalah sebagai pusat ibadah yang memurnikan hubungan manusia dengan Allah melalui solat berjemaah, doa, zikir, dan i'tikaf. Berinspirasi ciri-ciri Masjid Quba, buku ini menawarkan panduan praktikal agar masjid-masjid masa kini, termasuk Masjid Bandar Seri Putra, dapat memperkukuhkan peranan sebagai pusat ibadah unggul—yang bukan sahaja melaksanakan ritual, tetapi juga menghidupkan suasana takwa, ukhuwah, dan penghayatan agama dalam kalangan jemaah.

1. sebagai Pusat Ibadah



Ciri khas masjid ini mencakup reka bentuk seni bina moden dengan elemen tradisional Islam, seperti kubah dan menara, serta ruang yang luas untuk solat berjemaah. Selain itu, masjid ini sering digunakan untuk kegiatan seperti kuliah agama, kelas Al-Qur'an, acara akad nikah, akikah, korban, pengurusan jenazah dan acara-acara masyarakat tempatan.

Masjid ini telah dibina dengan kos berjumlah RM9.4 Juta yang sebahagian besarnya adalah atas keluhuran infak orang ramai. Masjid ini boleh menampung seramai anggaran 4,000 orang jemaah dalam satu-satu masa. Dewan solat utama boleh menampung anggaran seramai 900 orang dan dewan solat atas pula boleh menampung sejumlah 800 orang, kedua-dua dewan solat ini adalah berhawa dingin sepenuhnya.

Masjid ini juga dilengkapi dengan berbagai-bagai kemudahan utama seperti bilik kuliah, dewan suffah, pejabat, ruang bacaan, bilik mesyuarat, bilik pengurusan jenazah dan bilik tetamu.

Selain itu keseluruhan kompleks masjid ini juga mempunyai bangunan yang mempunyai sembilan (9) buah rumah untuk rumah kediaman bagi pegawai-pegawai masjid termasuk imam, bilal dan siak serta rumah inap dan rumah tetamu.

Masjid ini menyediakan suasana tenang dan damai secara fizikal dan pengisian kerohanian bagi membolehkan para jemaah melaksanakan ibadah dengan sebaik mungkin.

Luas tanah masjid ini ialah 3.9 ekar yang telah disediakan oleh pemaju Bandar Seri Putra, Bangi Heights Development Sdn. Bhd.

1.1. Kelengkapan Infrastruktur Ibadah

Ruang solat luas, bersih, selesa dan berkarpet.



Ruang solat utama direka dengan konsep moden dan terbuka yang menekankan elemen keindahan seni bina Islam. Dewan solat ini berhawa dingin, luas dan mampu menampung 900 orang jemaah.

Ruang di tingkat atas pula boleh menampung sehingga 800 orang jemaah.

Ruang-ruang ini berhawa dingin





Di bahagian belakang masjid terdapat ruang yang panjang. Ia boleh menampung 1000 orang jemaah ketika solat Jumaat. Pada hari lain ruang ini digunakan untuk jamuan, latihan seni mempertahankan diri di samping menjadi tempat kanak-kanak bermain.



Masjid Bandar Seri Putra mempunyai dua ruang Suffah. Rung ini adalah ruangan terbuka untuk aktiviti **kelas agama, pengajian Al-Quran**, tahfiz, majlis akad nikah, akikah selain menjadi tempat berkumpulnya ahli jemaah untuk perbincangan ilmu. Ia juga digunakan oleh musafir solat dan berehat. Kedua-dua ruang suffah dan kawasan sekelilingnya boleh menampung 1300 orang ketika solat Jumaat.

- **Kemudahan bilik air dan wuduk mencukupi, bersih**



Bilik air direka untuk memenuhi keperluan keselesaan dan kebersihan jemaah, terutamanya bagi persediaan sebelum solat dan aktiviti lain. Bilik air ini diselenggarakan dengan baik untuk memastikan kebersihan dan keselesaan pengguna. Terdapat dua set bilik air, satu untuk lelaki dan satu lagi untuk Perempuan.



Tempat wuduk adalah kawasan yang direka khusus untuk jemaah mengambil wuduk sebelum menunaikan solat. Tempat ini dilengkapi dengan kemudahan yang selesa dan mudah diakses bagi semua jemaah. Tempat wuduk untuk lelaki dan wanita diasingkan untuk menjaga privasi dan keselesaan jemaah. Setiap bahagian diletakkan tanda yang jelas untuk memudahkan jemaah mengenal pasti kawasan masing-masing. Tempat wuduk direka dengan mempertimbangkan aksesibiliti bagi orang kurang upaya (OKU) atau jemaah yang memerlukan bantuan tambahan, termasuk laluan mudah dan kemudahan sokongan seperti tempat pegangan.



Kolah wuduk juga diadakan. Kolah wuduk biasanya terdapat di masjid-masjid lama, dan ia berbentuk kolam kecil yang dilengkapi dengan beberapa pancuran atau paip air yang digunakan oleh jemaah untuk mengambil wuduk. Di masjid ini ia disediakan bagi mewujudkan suasana tradisi di samping menambahkan tempat berwuduk.

- Mesra pengguna (OKU, warga emas, kanak-kanak).



Tandas Mesra OKU

Masjid menyediakan tandas khas yang direka untuk kemudahan OKU, dengan ruang yang lebih luas dan kelengkapan yang memudahkan pengguna kerusi roda.



Ramps dan Laluan Khas

Terdapat kemudahan laluan khas berbentuk *ramp* yang membolehkan mereka yang menggunakan kerusi roda atau yang mengalami masalah pergerakan untuk masuk dan keluar dari masjid dengan mudah.



Tempat letak kereta OKU

Dua petak khas tempat letak kereta khas telah disediakan untuk OKU



Khutbah Bahasa Isyarat

Masjid menyediakan bahasa isyarat setiap kali khutbah Jumaat untuk kemudahan orang yang ada masalah pendengaran.

- Sistem bunyi baik



Sistem bunyi yang baik dilengkapi dengan digital synthesizer

2. Kualiti Pelaksanaan Solat dan Ibadah

- Solat berjemaah lima waktu didirikan secara konsisten dengan jumlah makmum di antara 300 hingga 500 orang
- Solat Jumaat berjalan dengan tertib, khutbah berkualiti dengan jumlah makmum melebihi 4,000 orang





Program motivasi dan solat hajat untuk pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan

3. Kebersihan dan Keselesaan

3.1. Pengurusan Kebersihan Harian

- Pasukan kebersihan bertugas membersihkan ruang solat utama, serambi, dewan, tandas dan tempat wuduk secara berkala.
- Lantai dan karpet dibersihkan setiap hari untuk memastikan ruang ibadah sentiasa bersih, bebas debu dan selesa untuk jemaah.
- Tempat wuduk dicuci dengan bahan pencuci sesuai bagi mengelakkan bau kurang menyenangkan serta memastikan lantai tidak licin.



3.2. Pengurusan Sisa & Kitar Semula

- Tong sampah disediakan di kawasan dalam dan luar masjid bagi menggalakkan jemaah membuang sampah dengan teratur.
- Inisiatif kesedaran kitar semula dan pengurangan plastik dijalankan semasa program besar seperti iftar Ramadan atau majlis korban.

3.3. Keselesaan & Mesra Jemaah

- Ruang solat wanita, kanak-kanak dan warga emas diberi perhatian khusus dari segi kebersihan serta keselesaan.
- Tandas dan bilik air dijaga rapi, lengkap dengan sabun tangan, tisu dan sistem pengudaraan yang baik.
- Aromaterapi atau pewangi digunakan di ruang solat bagi mewujudkan suasana yang tenang dan nyaman.

3.4. Gotong-Royong & Penglibatan Komuniti

- Program gotong-royong masjid dianjurkan bersama ahli kariah, PIBG sekolah berhampiran, dan sukarelawan belia dari universiti berhampiran.
- Program ini membersihkan kawasan masjid sambil mengeratkan ukhuwah antara penduduk.

3.5. Keindahan & Lanskap

- Kawasan luar masjid dijaga dengan baik, dengan rumput dipotong secara berkala dan pokok bunga disusun indah.
- Usaha menghijaukan kawasan masjid dengan tanaman hiasan dan pokok peneduh menjadikan masjid lebih segar dan mesra alam.

3.6 Persekitaran dan lanskap

- Persekitaran masjid ditata dengan taman, pokok rendah, bunga dan tumbuhan hijau untuk suasana damai dan segar.
- Kawasan rumput dan taman kecil berfungsi sebagai ruang rehat sebelum dan selepas solat.

- Pokok-pokok yang disebut dalam al-Quran seperti kurma, bidara (sidr), tin, dan delima ditanam sebagai simbol spiritual dan estetika.
- Lanskap ini menyokong keharmonian seni bina masjid dengan alam semula jadi, menambah ketenangan rohani dan visual.



Landskap Masjid dirancang dengan cermat untuk mencerminkan keharmonian antara seni bina masjid dan alam semula jadi. Rekaan landskap ini menggabungkan elemen alam yang damai, menyokong suasana ibadah yang tenteram dan mendamaikan. Berikut adalah beberapa ciri landskap yang biasanya terdapat di sekitar masjid:

Taman dan tumbuhan hijau:

- Kawasan di sekitar masjid sering dihiasi dengan pokok-pokok yang rendah, bunga, dan tumbuhan hijau untuk memberikan suasana yang nyaman dan segar kepada jemaah.
- Taman-taman kecil atau kawasan rumput juga disediakan, menciptakan ruang untuk jemaah berehat atau beristirahat sebelum dan selepas solat.

Pokok-pokok dalam Quran:

- Terdapat beberapa pokok yang disebutkan dalam Quran yang menjadi sebahagian dari rekabentuk lanskap masjid ini. Di antaranya ialah pokok kurma, pokok bidara (sidr), pokok tin dan pokok delima.



4. Pengimaran Masjid dengan Ibadah Khusus



Majlis berbuka puasa sepanjang bulan Ramadhan. Lebih kurang 1,000 orang setiap hari berbuka di masjid ini pada tahun 2025



Majlis Khatam Quran di bulan Ramadhan



Acara Korban



Sambutan Maulidur Rasul



Aktiviti kuliah dan tazkirah yang menyokong peningkatan ibadah.



Solat gerhana dan qiamullail



The poster features a central image of a man in a white cap and dark shirt, standing behind a large, ornate lantern. The lantern is placed on a bed of white clouds. To the right of the lantern, a yellow circular badge contains the text "Mula pada jam 4:00 a.m." and "25 RAM, 1446H". Below the man, a white oval contains the word "BERSAMA" and a green box contains the name "UST. WAN HAKIMIN". At the bottom, a red location pin icon is followed by the text "LOKASI: MASJID BANDAR SERI PUTRA, KAJANG". Below this, a small icon of a person in prayer is followed by the text "Solat sunat Tahajjud, solat sunat Taubat & Solat sunat witir". The bottom of the poster has a green bar with the text "Ikuti kami di:" followed by icons for Facebook, YouTube, Instagram, and TikTok, and the handle "@MasjidBSP".

Masjid Bandar Seri Putra
MASJID BANDAR SERI PUTRA

IMAM QIAMULLAIL

Mula pada jam 4:00 a.m.
25 RAM
1446H

BERSAMA
UST. WAN HAKIMIN

LOKASI: MASJID BANDAR SERI PUTRA, KAJANG

Solat sunat Tahajjud, solat sunat Taubat & Solat sunat witir

Ikuti kami di:     @MasjidBSP

Qiamullail diadakan pada 10 malam terakhir Ramadhan

5. Keterangan Jemaah

5.1. Mesra Semua Golongan

- Ruang solat disediakan untuk lelaki dan wanita dengan selesa dan terasing secara wajar.
- Kemudahan mesra kanak-kanak seperti ruang khas atau kawasan yang membolehkan ibu bapa membawa anak kecil tanpa mengganggu jemaah lain.
- Warga emas dan OKU dibantu dengan kemudahan ramp, tandas khas dan tempat duduk khas.

5.2. Aktiviti untuk Pelbagai Peringkat Umur

- Program kanak-kanak seperti kelas al-Quran dan aktiviti pendidikan Islam.
- Program remaja dan belia seperti halaqah, sukan ukhuwah, dan kem motivasi.
- Program warga emas termasuk tazkirah khusus, rawatan kesihatan, dan aktiviti sosial yang sesuai.

5.3. Keterangan Sosial & Komuniti

- Menggalakkan penglibatan semua ahli kariah dalam program masjid, tanpa mengira latar belakang ekonomi atau pendidikan.
- Penganjuran program kebajikan dan bantuan untuk fakir miskin, asnaf dan golongan memerlukan.
- Meraikan kepelbagaian budaya dalam kerangka Islam melalui jamuan, gotong-royong, dan aktiviti komuniti.

5.4. Suasana Ukhuwah & Rahmah

- Masjid menjadi tempat pertemuan dan pengikat ukhuwah antara ahli qariah.
- Kegiatan berasaskan tolong-menolong dan saling menyokong antara jemaah.
- Penerapan nilai rahmah, kasih sayang, dan saling menghormati sesama umat Islam.

5.5. Penyertaan Wanita & Belia

- Ruang wanita dijaga dengan baik, selesa dan mempunyai akses mudah ke program ilmu serta ibadah.
- Belia digalakkan menjadi sukarelawan dalam aktiviti masjid seperti gotong-royong, media sosial masjid, dan pengurusan acara.
- Galakan pelajar sekolah datang solat subuh berjemaah



Talaki Quran selepas solat subuh



Kuliah membacakan kitab selepas solat subuh seminggu sekali



Kuliah khas



Kelas membaca Quran



Kelas membaca Quran



Kelas membaca Quran



Kelas hafazan Quran



Kelas hafazan Quran





Program SANTUN (Menyantuni ibu tunggal)

SETIAP SUBUH
16 FEB-27 MAC

KEMPEN
Solat Subuh
berjemaah **40 hari**

Ust. Najmi Yahya
IMAM 1 MBSP

Prof. Emeritus Dato'
Dr. Riza Atiq
Abdullah OK Rahmat
NAZIR MBSP

HADIAH
MENARIK
MENANTI
ANDA!!

Ikuti kami di:     @MasjidBSP

SETIAP SUBUH
16 FEB-27 MAC

KEMPEN
Solat Subuh
berjemaah **40 hari**

Syarat penyertaan:

- Terbuka kepada lelaki dan perempuan remaja.
- Berumur 7-17 tahun.
- Hadir solat Subuh berjemaah di MBSP selama 40 hari (16 Feb - 27 Mac 2025)
- Merekod kehadiran di MBSP (mengikut kaedah yang akan dimaklumkan)

Cara mendaftar:

- Daftar maklumat di Google Form (scan QR)
- Peserta yang sudah mendaftar di Google form hendaklah hadir ke pejabat masjid untuk mendaftar cap jari sebelum atau pada 13 Feb 2025

SCAN DISINI!

HADIAH
MENARIK
MENANTI
ANDA!!

Ikuti kami di:     @MasjidBSP

Kempen solat subuh berjemaah selama 40 hari khas untuk pelajar sekolah

6. Pengurusan & Pentadbiran Ibadah

6.1. Jadual Solat & Azan

- Azan dilaungkan tepat pada waktunya dengan suara merdu dan jelas.
- Jadual solat harian dipamerkan dengan kemas di papan kenyataan dan melalui media digital masjid.
- Pengurusan waktu solat Jumaat dan solat berjemaah berjalan lancar dan teratur.



Bilal Dzikri sedang melaungkan azan

- **(Azan Memori Maqom Nakriz)**

Imbas QR di sebelah untuk melihat video dan mendengar laungan azan



6.2. Kualiti Imam & Bilal

- Imam dan bilal dilantik daripada kalangan individu berilmu, berakhlak mulia dan berkelayakan syarak.
- Bacaan imam fasih, sahih dan mampu memberi ketenangan kepada jemaah.
- Bilal mempunyai suara yang lantang dan merdu, mematuhi adab-adab azan dan iqamah.



**Solat Jumaat diimamkan
oleh Imam 3**

Imbas QR di bawah untuk
melihat video





**Bilal Dzikri sedang melaungkan azan
Maqam Soba**

Imbas QR di sebelah untuk melihat video
dan mendengar laungan azan



Satu lagi azan di masjid
BSP



Iqamah

6.3. Tatacara Solat Berjemaah

- Solat berjemaah lima waktu didirikan secara konsisten dengan saf yang tersusun. Bilangan makmum antara 300 -500 orang.
- Solat Jumaat dilaksanakan dengan khutbah yang ringkas, padat, berlandaskan al-Quran dan sunnah. Bilangan makmum melebihi 4000 orang
- Aktiviti ibadah tambahan seperti qiamullail, solat sunat, bacaan al-Quran dan zikir dikendalikan secara teratur.



Suasana ketika solat Jumaat diimamkan oleh imam 1

Imbas QR di bawah untuk melihat video




6.4. Pengurusan Ruang Ibadah

- Ruang solat sentiasa dijaga kebersihan, keselesaan dan ketertiban untuk memudahkan jemaah beribadah.
- Tempat wuduk dan tandas dipastikan berfungsi dengan baik, bersih dan selamat digunakan.
- Peraturan penggunaan ruang ibadah ditegakkan bagi mengekalkan suasana khusyuk.

6.5. Pentadbiran & Pengawasan

- Jawatan kuasa masjid memantau kualiti pelaksanaan ibadah secara berterusan.
- Sistem aduan disediakan untuk jemaah menyalurkan pandangan dan cadangan penambahbaikan.
- Pemantauan dilakukan supaya disiplin ibadah dijaga dengan baik sepanjang masa.
- SoP khas telah diwujudkan untuk memastikan semua berjalan lancar

Kamera litar tertutup (CCTV) telah dipasang untuk memantau kawasan dalam dan luar masjid. CCTV ini juga dimanfaatkan untuk tujuan keselamatan




Kesimpulan

Penilaian Masjid sebagai Pusat Ibadah

Secara keseluruhannya, Masjid Bandar Seri Putra berjaya menzahirkan fungsi sebuah masjid unggul sebagai pusat ibadah yang bukan sahaja menyediakan infrastruktur lengkap dan selesa, tetapi juga menghidupkan suasana ukhuwah, ketakwaan dan penghayatan agama. Melalui pelaksanaan solat berjemaah yang konsisten, program ibadah khusus, aktiviti kebajikan, keterangkuman jemaah dari pelbagai golongan, serta pengurusan ibadah yang tersusun dan berkualiti, masjid ini telah menjadi contoh kepada usaha memperkasa peranan masjid dalam membentuk masyarakat Islam yang seimbang dari segi kerohanian dan kemasyarakatan.

Dokumen ini menegaskan bahawa keberhasilan Masjid Bandar Seri Putra terletak pada kombinasi antara kemudahan fizikal moden dengan pengisian rohani yang menyeluruh, menjadikannya sebagai pusat ibadah yang relevan dengan keperluan masyarakat masa kini serta menepati inspirasi daripada model Masjid Quba dan Masjid Nabawi.





e ISBN 978-629-95226-9-0



9 786299 522690

Masjid Bandar Seri Putra

(pendrive)